

MAJALAH DALAM KELAS SEJAK TAHUN 1988

DEWAN

ديوان سويسوا

SISWA



WADAH PELAJAR MENENGAH DAN REMAJA

APRIL 2008



TEKNOLOGI DALAM
SEKUNTUM BUNGA

MENCARI SAHABAT UNTUK
MENGULANG KAJI

SUKAN LASAK BAHAYA ATAU MENCABAR?

K0001-00
0000 01



KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA • KEMENTERIAN PELAJARAN SINGAPORE • KEMENTERIAN PELAJARAN SINGAPORE • KEMENTERIAN PELAJARAN SINGAPORE

TAN SRI DATUK SERI ELYAS OMAR PESURUHJAYA SUKAN MALAYSIA

“Saya memang minat bersukan tetapi tidak pernah mewakili sekolah. Saya minat bermain badminton, hoki, ragbi, kriket dan sepak takraw yang merupakan satu-satunya sukan yang saya pernah wakili ketika di universiti dahulu. Ketika itu, saya hanyalah bermain secara suka-suka,” ujar Elyas, menyingkap kembali zaman kanak-kanaknya.



Tan Sri Elyas Omar, Pesuruhjaya Sukan Malaysia, merupakan tokoh yang amat disegani. Bekas Datuk Bandar Kuala Lumpur ini turut disegani dalam arena sukan tanah air. Kemajuan yang dibawa oleh Elyas dalam sakan amat disanjung, terutama dalam pembangunan sukan badminton dan bola sepak negara. Pembangunan infrastruktur serta kemudahan yang berkaitan sukan juga tidak diabaikan. Pembangunan Bukit Jalil merupakan salah satu bukti dedikasi Elyas dalam sukan dengan menjadikan Bukit Jalil sebagai Pusat Sukan dan Teknologi, selain menyediakan kemudahan yang berkaitan menjulang Sukan Komanwel ke-16, yang diadakan di Kuala Lumpur, buat julung-julang kalinya. Terdahulu, Elyas menjadikan Bandar Tun Razak sebagai pusat sukan yang banyak menyediakan kemudahan sukan. Antaranya, stadium bola sepak, stadium badminton dan stadium ragbi.

Seorang minat bersukan, tetapi tidak pernah mewakili sekolah. Saya minat bermain badminton, hoki, ragbi, kriket dan sepak takraw yang merupakan satu-satunya sukan yang saya pernah wakili ketika di universiti dahulu. Ketika itu, saya hanyalah bermain secara suka-suka,” ujar

Elyas, menyingkap kembali zaman kanak-kanaknya. Sorotan kenangan itu tidak terheni di situ sahaja. Masih segar dalam ingatan ketika beliau menghargai zaman kemendekaan negara sebagai seorang anak kecil yang tidak mengerti apa-apa.

Beliau yang dilahirkan pada tahun 1939 merasa

pagi, beliau akan menghantar kuli pau yang telah dibuat bersama ibu lewat malam sebelumnya, ke beberapa buah tempat sebelum menuju ke sekolah. Selepas tamat waktu persekolahan, beliau akan berpegas untuk mengutip hasil jualan sebelum pulang ke rumah. Selepas solat dan makan tengah hari, Elyas akan berpegas menunggang basikalnya menuju ke sekolah semula untuk bersukan bersama rakan yang lain. Lewat petang barulah beliau pulang semula ke rumah. Rutin hariannya diteruskan dengan membuat kerja sekolah, menjaga agas, membantu ibu di dapur, memotong kayu dan membuat kerja rumah yang lain. Sikap ringan tulang Elyas banyak membantu meringankan beban ibunya di rumah.

Air mata Elyas berlinangan ketika beliau kembali mengimbau kenangan di rumah bersama ibu. Bagi Elyas, ibunya merupakan orang yang amat luar biasa dan selalunya digelar suri rumah yang hebat. Elyas merindui saat-saat ketika beliau membantu ibunya di dapur. Ibunya bukan sahaja melakukan kerja rumah malah turut mendidik anak sebagai-bakinya. Sambil membuat kerja rumah, ibunya akan memastikan bacaan ayat suci Al-Quran Elyas mengalir telajid yang sepatutnya. Bermula pada umur lima tahun, akhirnya Elyas khatam Al-Quran



Elyas menunggang basikal dari rumah.

peralihan beberapa kuasa pemerintahan dalam proses kemendekaan negara.

Anak sulung daripada sepuluh orang adik-beradik ini memulakan tanggungjawab yang amat besar. Bapanya, jurutera di satu-satunya kilang ais di Pulau Pinang serta banyak menghabiskan masa di tempat kerja. Oleh itu, Elyaslah yang membantu ibu di rumah. Sederiv awal